



AWER bantah â€˜bailoutâ€™ bon air Selangor

S Piarapakaran | Mei 29, 11 4:14pm

Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER) membantah cadangan yang tidak bertanggungjawab oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) untuk 'bailout' bon-bon air yang bernilai RM 6.5 billion.

Tindakan ini tidak sehaluan dengan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (WSIA) dan implementasinya kerana cadangan ini tidak menetapkan nasib pemegang konsesi.

AWER ingin merujuk kepada 'bailout' oleh Perbendaharaan Amerika Syarikat pada 2009 ke atas syarikat General Motor dan Chrysler. Perbendaharaan Amerika Syarikat telah mengambil alih pegangan saham syarikat-syarikat ini dalam tindakan 'bailout' tersebut.

Tindakan ini dilakukan untuk memastikan syarikat-syarikat ini tidak runtuh dan mengelakkan kehilangan mata pencarian rakyat. Walaupun cadangan oleh KeTTHA dan PAAB dapat dilihat sebagai satu kaedah untuk mengelakkan kemerosotan keyakinan pasaran kewangan terhadap Malaysia, cadangan ini masih tidak sehaluan dengan implementasi WSIA.

'Bailout' bon-bon Air Selangor melalui PAAB juga tidak sama dengan tindakan 'bailout' Amerika Syarikat.

Dalam operasi sebenar, PAAB merupakan satu badan khas (Special Purpose Vehicle - SPV) dan tidak perlu menu buhkan satu lagi SPV yang baru sebagai 'orang tengah'. Pengenalan 'orang tengah' yang baru akan menyebabkan kos tambahan kepada rakyat yang sebenarnya boleh dielakkan.

Tugas PAAB adalah untuk mengambil alih aset-aset berliabiliti supaya operator air beroperasi dalam keadaan 'ringan-asset'. Operasi PAAB sepertutnya dipantau dan dikawalselia oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Apa yang telah menyimpang di sini? Adakah PAAB tidak jelas atau tidak faham akan tugas dan bidang kerja mereka?

Dalam 'bailout' General Motor dan Chrysler, Perbendaharaan US dan beberapa agensi lain telah mengambil alih pemilikan saham syarikat-syarikat ini. Akan tetapi, cadangan PAAB hanya ingin menyelamatkan pemengang bon tanpa mengambil alih pegangan saham bagi syarikat konsesi yang terbabit.

Kaedah penyelesaian sebegini yang diguna pakai oleh SPAN, PAAB dan KeTTHA adalah tidak wajar. Ini adalah bersamaan dengan meletakkan keseluruhan masalah terus kepada rakyat dan sektor perniagaan. Ini kerana semua kos ini akan dibayar dalam bentuk tarif.

Pemegang bon sebenarnya 'tersepit' dalam situasi ini disebabkan perbezaan pendapat di antara kerajaan negeri, pemegang perjanjian konsesi dan kerajaan persekutuan.

Model WSIA mempunyai kaedah penyelesaian untuk menamatkan perjanjian konsesi. Mengambil alih liabiliti syarikat konsesi untuk mengelakkan kemerosotan keyakinan pasaran boleh diterima. Tetapi, perjanjian konsesi mesti dibatalkan pada penghujung keseluruhan cadangan penyelesaian ini.

Setelah kaedah 'bailout' dilaksanakan dan PAAB mengambil alih pegangan saham

yang berkaitan dalam syarikat-syarikat ini, perjanjian baru boleh dilaksanakan secara langsung di antara kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan untuk menstruktur semula industri air di Selangor tanpa perlunya penglibatan pemegang perjanjian konsesi.

AWER menyeru kerajaan negeri Selangor dan KeTTHA untuk berkerjasama bagi menangani isu ini. Bagi sesiapa yang masih tidak jelas akan fungsi WSIA, sila layari www.awer.org.my untuk memuat turun laporan “Penstrukturan Semula Industri Air Negara – hakikatnya”.

Ia diterbitkan dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Laporan ini juga telah diberikan kepada semua ADUN dan ahli parlimen di Malaysia bulan lalu.

Penulis adalah presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER)